

Pengajian Yang Dilakukan Di  
selepas

PERANAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
DI DALAM PEMBANGUNAN PERUMAHAN  
(KAJIAN KES DI KAWASAN AMPANG ULU KLANG)

Oleh:

Noriyati binti Hussin  
Roslan bin Aziz  
Badariah binti Abdullah  
Norma binti Ismail

8801000037

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada  
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang  
Institut Teknologi MARA, Kajian Luar Kampus  
Jalan Othman, Petaling Jaya Negeri Selangor D.E  
Untuk Memenuhi Sebahagian dari Syarat  
Untuk Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

November 1991

FOTOSTAT YIAAK DUYA KAMPUS

## PRAKATA

Pengkajian yang dilakukan adalah bertajuk "Peranan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Dalam Pembangunan Perumahan". Kajian kes di kawasan Ampang/Ulu Kelang Ianya adalah berhubung dengan masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha untuk mengatasinya berserta cadangan-cadangan di dalam petempatan penduduk di kawasan tersebut. Dua faktor utama yang mempengaruhi serta menaikkan taraf petempatan penduduk di kawasan tersebut adalah disebabkan oleh penghijrahan dan peningkatan jumlah isi keluarga yang agak tinggi.

Jumlah keseluruhan penduduk Kuala Lumpur pada tahun 1990 adalah 1,036,900 orang. Ini merupakan peningkatan sebanyak 4.3% dibandingkan dengan dekad yang lepas. Walau bagaimanapun, penghijrahan itu dijangkakan turun kepada 2.1% untuk tahun 1980 hingga tahun 1990 kepada 1.7% untuk tahun 1991 hingga tahun 2000. Berdasarkan kepada peningkatan di dalam pendapatan, jumlah rumah yang dijangka diperlukan berjumlah 578,000 unit pada tahun 2000. Ini adalah peningkatan berkadar 46% dalam tempoh 30 tahun.

Sehingga hari ini PKNS telah membina hampir 80,000 unit rumah iaitu 51% dari jenis kos rendah, 42% kos sederhana dan 7% dari jenis mewah.

## P E N G H A R G A A N

"DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG"

Untuk keseluruhan masa dan tenaga yang telah dikeluarkan dan juga atas segala pertolongan serta bantuan yang telah diberikan kepada kami dalam usaha untuk memahami serta menghadapi berbagai cabaran sama ada ianya secara intelektual emosional serta masalah-masalah yang lain dalam menyiapkan kertas projek ini, kami ingin menyampaikan penghargaan kami kepada beberapa pihak yang mana dari mereka kami telah memperolehi segala kemudahan dalam usaha untuk merangka, mengkaji serta menyiapkan kajian ini.

Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kami kepada Pensyarah serta Pembimbing kami Puan Shireen Haron - Pensyarah Kajian Pentadbiran dan Undang-undang, Luar Kampus Institut Teknologi MARA Jalan Othman Petaling Jaya Negeri Selangor Darul Ehsan yang telah sepanjang tempoh pengajian kami, beliau amat tekun dan sabar memberi tunjuk ajar dan panduan kepada kami. Beliau telah meluangkan masa di dalam membantu kami.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang lain seperti Cik Norhayati dari Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, YM Raja Azmi Raja Ahmad Wakil Khas kepada YB Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Ulu Kelang, Encik Jamal Ali dari Bahagian Perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Ainon Ali dari Bahagian Pembangunan Luar Bandar Majlis Daerah Gombak, Cik Jasmine Ong dari Housing Development Authority yang mana tanpa bantuan dan kerjasama daripada mereka, segala maklumat dan data-data yang diperlukan mungkin tidak akan kami perolehi.

## ABSTRAK

Tajuk "Peranan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Kos Sederhana di Dalam Pembangunan Perumahan" - Kajian Kes Di Kawasan Ampang/Ulu Kelang telah dipilih menjadi tajuk kajian bagi memenuhi syarat-syarat untuk mendapatkan Diploma Pentadbiran Awam.

Tajuk ini dipilih berdasarkan kepada masalah perumahan itu sendiri telah menjadi satu fenomena hidup bagi penduduk di seluruh negeri khasnya di kawasan Ampang/Ulu Kelang dan sekitarnya. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sejauh manakah masalah perumahan di sekitar Lembah kelang khasnya kawasan Ampang/Ulu Kelang benar-benar memberi kesan kepada para penduduknya bagi dari segi mental, emosi.

Selain dari itu, kajian ini juga merupakan langkah awal untuk mengenalpasti segala perancangan-perancangan yang telah dan akan dijalankan oleh pihak-pihak berwajib dan apakah strategi-strategi yang telah dan akan digunakan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk mengatasi masalah tersebut.

Semasa kajian dijalankan, perbagai teknik telah digunakan bagi mengenalpasti masalah perumahan itu tadi. Antaranya ialah dengan mendapatkan maklumat-maklumat dari buku-buku, majalah-majalah dan makalah-makalah yang berkaitan dengannya. Di samping itu soalselidik, temubual dan pemerhatian di beberapa kawasan projek perumahan PKNS juga turut dilakukan.

Hasil dari kajian ini adalah didapati bahawa memang masalah perumahan ini tetap ujud dari semasa ke semasa walaupun PKNS telah mengambil berbagai langkah untuk mengatasinya. PKNS telah memainkan dan melaksanakan sepenuh peranannya dengan begitu baik di dalam menyediakan pelbagai kemudahan infrastrukturnya. Tapi apa yang ternyata sekarang ini penghijrahan penduduk semakin meningkat. Dan ini tidak dapat dielakkan.

\*\*\*\*\*